عصبية بوكن كبڠسأن

ASABIAH

BUKAN KEBANGSAAN

HAJI AB. LATIF AB. RAHMAN

$1.50

ASABIAH
BUKAN
KEBANGSAAN

ASABIAH BUKAN KEBANGSAAN

Oleh: Haji Ab. Latif Ab. Rahman

Cetakan Pertama ______________________ 1984


Dicetak dan dikeluarkan oleh:
DIAN DARULNAIM SDN. BHD.
5315-A, Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan.

PENDAHULUAN.

Semangat Islam dan faham kebangsaan merupakan benting kuat dan pertahanan teguh bagi kekuatan bangsa Melayu. Bilamana kedua-dua benting ini dapat ditembusi, maka hasrat musuh untuk menghancurkan bangsa Melayu akan tercapai dengan senang.

Menyedari hakikat inilah, maka musuh-musuh Islam telah mendapat ilham menjadikan orang-orang Melayu sebagai ejennya dan memperalatkan mereka untuk menghancurkan Melayu dan menghapuskan Islam.

Perkembangan-perkembangan yang berlaku sejak akhir-akhir ini telah menampakkan bahawa kedua kubu kuat pertahanan Melayu dan Islam itu telah mula digertak dan diserang. Pada mulanya mereka cuba memecahbelahkan perpaduan orang-orang Melayu dengan menimbulkan fatwa kafir mengkafir sesama orang Islam, akibatnya orang-orang Melayu telah bermusuh sesama sendiri, kemudian timbul pula fatwa yang menggemparkan iaitu faham kebangsaan atau nasionalisma bertentangan dengan Islam. Kedua-dua fatwa yang ditimbulkan oleh pihak musuh ini melalui ejen-ejennya telah mula meracuni fikiran sebahagian umat Islam, dan kiranya dibiarkan berlarutan, ia sudah tentu akan melemahkan kekuatan bangsa Melayu dan akan menghancurkan ugama Islam yang maha suci.

Risalah kecil ini bukanlah bertujuan untuk menerangkan tektik-tektik musuh untuk melemahkan bangsa Melayu dan Islam, tetapi untuk menerangkan tentang faham kebangsaan dan sejauh manakah ianya bertentangan dengan Islam.

Sekianlah wassalam.

Tanah Merah, Kelantan.
Pada: 18/9/1984.

☆☆☆☆☆

ASABIAH

ASABIAH

Pengertian Asabiah

Dalam Kamus Al-Raaid, terdapat tiga erti bagi perkataan ASABIAH; 1) bererti keluarga dari sebelah bapa. 2) bererti sikap taassub atau fanatik. 3) bererti gangguan saraf yang mudah menimbulkan marah.

Ketiga-tiga pengertian ini bolehlah dicantumkan menjadi satu iaitu ASABIAH iaitu; suatu sikap taassub atau fanatik yang melahirkan sikap ego dan bangga terhadap dirinya, keluarganya, kumpulannya, puaknya dan kaum bangsanya. Sikap ini menyebabkan seseorang itu sanggup melakukan penganiayaan dan penghinaan terhadap puak lain dan sanggup menolak segala kebenaran dan mengenepikan segala keadilan.

Sikap taassub atau fanatik perkauman yang sempit ini telah ujud dan hidup subur di kalangan masyarakat jahiliah, kerana sikap inilah mereka hidup dalam permusuhan sepanjang zaman. Sikap ASABIAH ini menyebabkan mereka menjadi berpuak-puak dan berkabilah-kabilah dan setiap puak pula berbangga dan fanatik dengan kabilahnya.

Apabila datang Islam, semangat perkauman yang sempit ini telah dihapus dan dikuburkan. Sikap ini telah diganti dengan sikap muhibbah dan kasih sayang sesama manusia untuk mencapai perpaduan sejagat umat Islam (ukhuwwah Islamiah) dan keamanan seluruh dunia (Rahmah Alamiah) sebagaimana yang terkandung dalam firman Allah;

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

(Tidaklah kami utuskan engkau ke dunia kecuali untuk menjadi rahmat kepada seluruh alam). Permusuhan yang lahir dari sikap ASABIAH ini telah digambarkan oleh Allah dalam firmannya;

وَاذْكُرُوا نِعْمَةَ اللهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا - آل عمران

(Kenangkanlah akan nikmat Allah yang dikurniakan ke atas kamu, di mana dulu kamu hidup bermusuh-musuhan, lalu Allah cantumkan antara hati-hati kamu – menjadi satu – dan dengan nikmat itu kamu jadi bersaudara).

Dengan ajaran Islam. masyarakat Arab yang hidup mabuk dengan semangat ASABIAH itu dapat diubah dan disatukan di bawah bendera perpaduan Islam. Antara ajaran Islam untuk menghapuskan sikap ASABIAH itu ialah;

Firman Allah;

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

((Berpeganglah kamu dengan tali Allah dan janganlah kamu bercerai-berai).

Firman Allah;

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ - الحجرات

(Sesungguhnya orang mukmin itu bersaudara).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

رواه الشيخان .

(Kamu belum beriman hingga ia mengasihi saudaranya sama seperti ia mengasihi dirinya sendiri).

Firman Allah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللهِ أَتْقَاكُمْ

الحجرات / 131

(Hai manusia!, kami jadikan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu berkenalan, sesungguhnya yang lebih mulia antara kamu ialah orang yang lebih takwa).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ رَبَّكُمْ وَاحِدٌ وَإِنَّ أَبَاكُمْ وَاحِدٌ كُلُّكُمْ لِآدَمَ وَآدَمُ مِنْ تُرَابٍ . رواه البزار

(Hai manusia, sesungguhnya Tuhan kamu satu, dan bapa kamu satu, semua kamu daripada Adam, dan Adam daripada tanah).

Walaupun begitu sikap ASABIAH ini sangat susah untuk dihapuskan, kerana sikap ini sudah berakar dan berumbi begitu lama dalam masyarakat jahiliah, di mana dalam keadaan tertentu ia menjadi cambah dan tumbuh kembali.

Terdapat beberapa peristiwa di mana sikap ASABIAH ini masih terbawa-bawa ke dalam masyarakat Islam di zaman Rasulullah s.a.w., antaranya;

Dalam Peperangan Bani Mustalik, telah berlaku perkelahian antara dua orang tentera Islam; seorang dari kaum Muhajirin bernama Jahjah bin Masud Al-Ghifari, manakala seorang lagi dari kaum Ansar bernama Sinan bin Wabri Al-Juhani daripada keturunan Khazraj. Perkelahian itu berpunca daripada perebutan mendapat bekalan air di sebuah telaga. Di sinilah sikap ASABIAH yang telah dikuburkan itu cambah dengan serta merta, di mana kedua-dua orang Islam itu melaung-laung dengan laungan ASABIAH; Hai orang-orang Muhajirin... Hai orang-orang Ansar.... Maka tentera Islam yang satu itu berpecah dua dan berhadapan antara satu sama lain untuk memulakan pergaduhan dan peperangan sesama sendiri, tanpa sedarkan diri kerana dirasuk oleh ASABIAH. Baginda Rasulullah s.a.w. terus bersegera mendapatkan mereka untuk mendamaikan perkelahian itu. Dengan nada yang marah, baginda bersabda;

أَبِدَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ وَأَنَا بَيْنَ أَظْهُرِكُمْ دَعُوهَا فَإِنَّهَا مُنْتِنَةٌ

(Adakah kamu masih berpegang dengan sikap ASABIAH jahiliah, sedangkan aku masih berada bersama kamu? Tinggalkanlah sikap ASABIAH ini, kerana ia adalah sangat busuk).

Sikap ASABIAH ini terus hidup dan terbawa-bawa ke dalam masyarakat Islam selepas zaman Rasulullah s.a.w.

Ibnu Abil Hadid menceritakan;

.. Bahawa di akhir zaman pemerintahan Ali bin Abi Talib r.a., penduduk Kufah hidup berpuak-puak, sikap ASABIAH telah menguasai mereka... diceritakan bahawa seorang pemuda dari satu kabilah telah keluar dari perkampungannya, dan masuk ke perkampungan kabilah lain, di sana beliau menyeru; hai orang-orang Nakhak... hai orang-orang Kindah... dengan itu maka keluarlah pemuda-pemuda dari kampung tersebut, menyeru-nyeru; hai orang-orang Tamin, hai orang-orang Rabiah... maka keluarlah

orang-orang kampung tersebut mendapatkan pemuda itu lalu membelasahkannya dengan teruk... kemudian berita ini tersebar hingga sampai ke pengetahuan kabilahnya... akhirnya terhunuslah pedang dan menyalalah api fitnah dan peperangan.

Al-Aghani menceritakan;

Tuwais adalah seorang penyair yang suka membaca sajak-sajak dari suku kaum Aus dan Khazraj, yang menggambarkan permusuhan dan perkelahian antara mereka di zaman jahiliah. Tujuan beliau berbuat demikian ialah untuk menimbulkan permusuhan antara kedua puak tersebut. Jarang benar majlis yang dihadiri oleh Aus dan Khazraj, yang tidak berlaku huru-hara di dalamnya, bila mana Tuwais membaca sajak-sajak tersebut. Beliau dengan sajak-sajaknya itu berjaya membakar semangat permusuhan dan asabiah antara kedua kaum umat Islam tersebut.

Fajrul Islam Menerangkan;

Di zaman pemerintahan kerajaan Umaiyah, sikap asabiah ini hidup kembali dengan subur dan segarnya sebagaimana di zaman jahiliah dulu, di mana hubungan antara keluarga keturunan Bani Umaiyah dan keturunan Bani Hasyim terus pincang. Masing-masing mengangkat bendera asabiah, permusuhan dan pertarungan terus berlaku antara dua keturunan umat Islam yang berlainan keturunan itu.

Begitu juga permusuhan antara keturunan Kahtan dengan keturunan Adnan terus berlaku dan berlarutan. Mereka bermusuh di mana-mana sahaja mereka tinggal bersama; di Khurasan, permusuhan berlaku antara kaum Azad keturunan Kahtan dengan kaum Tamim, keturunan Adnan. Di Syam permusuhan berlaku antara kaum Kalbi dengan keturunan Kahtan dengan kaum Oais keturunan Adnan... dan perkara yang sama berlaku di Andalusia, di Iraq dan lain-lain. (1)

---

(1) Lihat " فجر الإسلام "

CIRI-CIRI ASABIAH

Antara ciri-ciri ASABIAH ialah suka bermegah dan berbangga dengan pangkat dan keturunan hingga mengenepikan keadilan dan kebenaran. Dalam ucapan terakhir (خطبة الوداع), antara lain Rasulullah s.a.w. berpesan;

أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللهَ أَذْهَبَ عَنْكُمْ نَخْوَةَ الْجَاهِلِيَّةِ وَفَخْرَهَا بِالْآبَاءِ كُلُّكُمْ لِآدَمَ وَآدَمُ مِنْ تُرَابٍ لَيْسَ لِعَرَبِيٍّ عَلَى عَجَمِيٍّ إِلَّا بِالتَّقْوَى.

(Hai manusia, ingatlah bahawa Allah telah menghapuskan daripada kamu sikap hidup jahiliah yang berbangga dengan keturunan, semua kamu daripada tanah, tidak ada kelebihan orang Arab ke atas orang Ajam, kecuali dengan kelebihan takwa).

Firman Allah;

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللهِ أَتْقَاكُمْ - الحجرات/ 131

(Sesungguhnya orang yang lebih mulia antara kamu di sisi Allah, ialah yang paling bertakwa).

Sikap berbangga dengan keturunan dan pangkat ini menyebabkan seseorang itu suka menghina dan merendah-rendahkan orang lain. Perbuatan ini adalah dilarang oleh Islam.

Firman Allah;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا

خَيْرًا مِنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِنْ نِسَاءٍ عَسَى أَنْ يَكُنَّ خَيْرًا مِنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنْفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الِاسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

الحجرات/١١

(Hai orang-orang yang beriman, janganlah sesatu kaum menghina kaum yang lain, kerana boleh jadi mereka itu lebih baik dari mereka ini, dan janganlah segolongan perempuan menghina segolongan perempuan yang lain, kerana boleh jadi mereka itu lebih baik dari mereka ini, dan janganlah kamu mencela sesama kamu dan janganlah kamu gelar menggelar dengan gelaran yang hina — sepertn fasik —, kerana sebusuk-busuk nama ialah fasik selepas mereka beriman, dan barang siapa tidak bertaubat, maka mereka itu ialah orang-orang yang zalim).

Ketahuilah bahawa tidak ada gelaran yang lebih hina dan keji pada orang-orang Islam selain dari gelaran fasik, kafir laknat Allah, dan ahli neraka... semuanya itu telah dilarang dengan sekeras-kerasnya dalam Islam.

Sabda Rasulullah s.a.w.;

إِذَا قَالَ الرَّجُلُ لِأَخِيهِ: يَا كَافِرُ! فَقَدْ بَاءَ بِهَا أَحَدُهُمَا فَإِنْ كَانَ كَمَا قَالَ وَإِلَّا رَجَعَتْ عَلَيْهِ - رواه البخاري ومسلم.

(Apabila seseorang berkata — maki — kepada saudaranya; wahai orang kafir, maka sesungguhnya perkataan itu akan kembali

kepada salah seorang dari keduanya, kiranya orang itu tidak layak, maka perkataan itu akan kembali kepada dirinya sendiri).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

مَنْ دَعَا رَجُلًا بِالْكُفْرِ أَوْ قَالَ: عَدُوَّ اللهِ! وَلَيْسَ كَذٰلِكَ إِلَّا حَارَ عَلَيْهِ.

رواه البخاري ومسلم

(Sesiapa yang berkata — maki — kepada seseorang dengan perkataan kafir atau berkata; engkau musuh Allah, sedangkan ia tidak berhak dengannya, maka perkataan itu akan kembali kepadanya).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

مَنْ لَعَنَ شَيْئًا لَيْسَ بِأَهْلٍ رَجَعَتِ اللَّعْنَةُ عَلَيْهِ.

رواه أبو داود والترمذي

(Sesiapa yang mengutuk sesuatu sedang ia tidak layak mendapat kutukan itu, nescaya kutukan itu akan kembali ke atas kepalanya sendiri).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

وَلَا تَلَاعَنُوا بِلَعْنَةِ اللهِ وَلَا بِغَضَبِهِ وَلَا بِالنَّارِ.

رواه أبو داود والترمذي

(Janganlah kamu kutuk mengukut dengan "laknat Allah", dan janganlah dengan "kemurkaan Allah", dan janganlah dengan "ahli neraka").

Sabda Rasulullah s.a.w.;

لَعْنُ الْمُؤْمِنِ كَقَتْلِهِ . رواه البخاري ومسلم .

(Perbuatan melaknat orang mukmin itu sama seperti membunuh nya).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

بِحَسْبِ امْرِئٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ .

رواه البخاري

(Sudah cukup seseorang itu jahat, apabila ia menghina saudara nya).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

لَا يَكُونُ اللَّعَّانُونَ شُفَعَاءَ وَلَا شُهَدَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ .

رواه مسلم

(Orang-orang yang suka mengutuk, tidak akan jadi syufaa (شُفَعَاءُ dan syuhada (شُهَدَاءُ) di hari akhirat).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

لَا يَنْبَغِي لِصِدِّيقٍ أَنْ يَكُونَ لَعَّانًا. رواه مسلم

(Tidak layak bagi orang yang beriman itu menjadi pencarut atau pemaki hamun).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالطَّعَّانِ وَلَا اللَّعَّانِ وَلَا الْفَاحِشِ وَلَا الْبَذِيءِ

رواه الترمذي.

(Adalah tidak mukmin, orang yang suka mencela, melaknat, mencarut dan celupar mulutnya).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

سِبَابُ الْمُسْلِمِ فُسُوقٌ وَقِتَالُهُ كُفْرٌ. رواه البخاري ومسلم

(Memaki hamun terhadap seseorang Islam itu adalah perbuatan fasik dan membunuhnya adalah menjadi kufur).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

لَا يَرْمِي رَجُلٌ رَجُلًا بِالْكُفْرِ أَوْ بِالْفِسْقِ إِلَّا ارْتَدَّتْ عَلَيْهِ
إِنْ لَمْ يَكُنْ صَاحِبُهُ كَذَلِكَ.

عن ابن عمر.

(Tuduhan seseorang terhadap orang lain dengan tuduhan kafir atau fasik, maka perkataan itu tuduhan itu akan kembali kepadanya, kiranya orang dituduh itu bukan ahlinya).

Para ulamak sudah berijmak mengatakan bahawa perbuatan melaknat atau mengutuk seseorang Islam itu adalah haram dan sangat berat dosanya di dalam Islam.

Imam Syafii. r.a. berpendapat bahawa adalah berdosa melaknat orang-orang tertentu kecuali orang itu ia yakin mati dalam kufur seperti Abu Lahab, Abu Jahal, Firaun, Hamam dan seumpamanya.

Ada ulamak mengatakan bahawa mengutuk atau melaknat seseorang itu bererti kita menjauhkan orang itu dari rahmat Allah, sedangkan kita tidak tahu apakah kesudahan orang yang kita nampak fasik atau kafir itu.

Sikap TAASSUB atau ASABIAH menyebabkan seseorang itu sombong, takabbur, bangga diri sendiri serta memandang hina kepada orang lain dan golongan lain, hingga ia menganggap dirinya, puaknya paling baik, paling bersih dan paling layak menjadi ahli syurga sementara orang lain dan puak lain paling kotor, paling hina dan paling layak menjadi ahli neraka. Sifat-sifat ini adalah terlalu keji dan kotor dalam Islam.

Sabda Rasulullah s.a.w.;

إِنَّ اللهَ أَوْحَى إِلَيَّ أَنْ تَوَاضَعُوا حَتَّى لَا يَفْخَرَ أَحَدٌ عَلَى
أَحَدٍ وَلَا يَبْغِيَ أَحَدٌ عَلَى أَحَدٍ . رواه مسلم.

(Sesungguhnya Allah Taala telah mewahyukan kepadaku; hendaklah kamu semua merendah diri hingga tidak ada yang sombong terhadap orang lain dan tidak orang yang melakukan penindasan terhadap orang lain).

Firman Allah;

تِلْكَ الدَّارُ الْآخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا

فِي الْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا.   القصص

(Itulah negeri akhirat, kami jadikannya untuk orang yang tidak sombong di muka bumi dan tidak melakukan keganasan).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِأَهْلِ النَّارِ؟ كُلُّ عُتُلٍّ جَوَّاظٍ مُسْتَكْبِرٍ.

متفق عليه

(Sukakah aku ceritakan siapakah ahli neraka? iaitu setiap orang sombong, megah dan takabbur).

Firman Allah;

هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنْتُمْ أَجِنَّةٌ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ فَلَا تُزَكُّوا أَنْفُسَكُمْ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اتَّقَى.

النجم/32

(Dia lebih mengetahui tentang diri kamu, ketika Dia jadikan diri kamu dari tanah, dan ketika kamu masih bayi dalam kandungan ibu-ibu kamu, oleh itu janganlah kamu suka memuji diri, Dia lebih mengetahui siapa yang labih baik).

Firman Allah;

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يُزَكُّونَ أَنْفُسَهُمْ بَلِ اللَّهُ يُزَكِّي مَنْ

يَشَاءُ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا . النساء/49

(Tidakkah kamu lihat -kebodohan- orang yang memuji diri, tetapi Allah sebenarnya yang layak membersihkah orang-orang yang Ia kehendaki, dan mereka tidak akan dianiayai walau sedikit).

Sebuah hadith menerangkan;

عَنِ الْمِقْدَادِ بْنِ الْأَسْوَدِ قَالَ: أَمَرَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نَحْثُوا فِي وُجُوهِ الْمَدَّاحِينَ التُّرَابَ .

(Daripada Mikdad bin Aswad, katanya; bahawa Rasulullah s.a.w. telah menyuruh kami supaya merencik debu ke muka orang yang suka memuji diri).

Hadith lain menerangkan;

عَنْ زَيْنَبَ بِنْتِ أَبِي سَلَمَةَ قَالَتْ: سُمِّيتُ بَرَّةً قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تُزَكُّوا أَنْفُسَكُمُ اللهُ أَعْلَمُ بِأَهْلِ الْبِرِّ مِنْكُمْ سَمُّوهَا زَيْنَبَ .

(Daripada Zainab binti Abu Salamah, katanya; Aku dipanggil dengan nama (بَرَّةً) iaitu bererti baik, lalu Rasulullah s.a.w. pun menasihatkan; janganlah kamu cuba menganggap diri kamu itu bersih — kerana puji diri — kerana Tuhan sahaja yang lebih mengetahui siapakah orang yang baik di kalangan kamu).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

وَاللهِ لَا آمِنُ مَكْرَ اللهِ، وَلَوْ كَانَتْ إِحْدَى قَدَمَيَّ فِي الْجَنَّةِ

(Demi Allah, aku sendiri pun tidak berani jamin selamat dari siksa Allah, walau pun sebelah kakiku sudah berada dalam syurga).

Diriwayatkan bahawa;

Apabila Othman bin Maz'un meninggal dunia, Ummul-alaa (أُمّ العَلَاء) telah memuji-muji tentang dirinya di depan Rasulullah s.a.w. katanya; semoga Allah cucuri rahmatnya ke atas engkau wahai Abussaib (أَبُو السَّائِب) Aku saksikan bahawa engkau telah dimuliakan Allah. Mendengar pujian itu Rasulullan s.a.w. pun bertanya; Apakah benar engkau mengetahui bahawa Allah telah memuliakannya? Jawab Ummul-alaa (أُمّ العَلَاء); Saya tidak mengetahui sebenarnya wahai Rasulullah. Lalu Rasulullah s.a.w. pun bersabda; Ada pun Othman, maka sesungguhnya ia telah beroleh keyakinan, demi Allah aku berharap semoga ianya beroleh kebaikan, sebenarnya aku sendiri pun tidak mengetahui, sedangkan aku utusan Allah, apakah yang akan berlaku ke atas diri sendiri. Ummul-alaa pun menyesal dan berkata; Demi Allah, aku tidak akan memuji sesiapa selepas ini lagi).

Menolong kaum keluarga dan anak bangsa untuk mencapai kebaikan dan kesejahteraan bukanlah dinamakan ASABIAH atau sikap taasubb, hal ini telah diterangkan oleh Nabi dalam sebuah hadith;

قَالَ رَجُلٌ يَا رَسُوْلَ اللهِ: أَمِنَ الْعَصَبِيَّةِ أَنْ يُحِبَّ الرَّجُلُ
قَوْمَهُ؟ قَالَ: لَا، وَلٰكِنْ مِنَ الْعَصَبِيَّةِ أَنْ يَنْصُرَ الرَّجُلُ
قَوْمَهُ عَلَى الظُّلْمِ - رواه أحمد وابن ماجه

(Seorang lelaki bertanya Rasulullah s.a.w.; wahai Rasulullah, adakah dari sikap ASABIAH seorang itu kasih kepada bangsanya?. Jawab baginda; Tidak, tetapi sikap asabiah itu ialah orang yang menolong puaknya melakukan kezaliman).

Hadith lain menerangkan;

عَنْ وَاثِلَةَ بْنِ الأَسْقَعِ قَالَ: قُلْتُ يَا رَسُولَ اللهِ مَا الْعَصَبِيَّةُ؟ قَالَ: أَنْ تُعِينَ قَوْمَكَ عَلَى الظُّلْمِ.

(Daripada Wathilah bin Asqaa', katanya; Saya bertanya; Wahai Rasulullah, apakah sebenarnya asabiah itu? Jawab Baginda; iaitu engkau menolong kaum bangsamu melakukan kezaliman).

Pendik kata mereka yang bersikap asabiah sanggup melakukan apa saja terhadap orang lain yang bukan daripada puaknya, kumpulannya, partinya, dan kerana asabiah juga mereka sanggup bertindak liar yang keluar dari batas-batas kesopanan dan kesusilaan dan budi bahasa yang luhur dan murni.

Kerana keburukan dan kejahatan sikap asabiah itulah maka Rasulullah s.a.w. telah melarang keras umatnya dari sikap yang kotor ini.

Sabda Rasulullah s.a.w.;

دَعُوهَا فَإِنَّهَا مُنْتِنَةٌ !

(Jauhilah sikap ini, kerana ia terlalu kotor dan busuk).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

لَيْسَ مِنَّا مَنْ دَعَا إِلَى عَصَبِيَّةٍ وَلَيْسَ مِنَّا مَنْ قَاتَلَ

عَلَى عَصَبِيَّةٍ وَلَيْسَ مِنَّا مَنْ مَاتَ عَلَى عَصَبِيَّةٍ .

رواه أبو داود

(Bukanlah dari golongan kami, mereka yang menyeru menghidup-kan asabiah, bukanlah dari golongan kami, mereka yang berperang mempertahankan asabiah, dan bukanlah dari golongan kami, mereka yang mati kerana asabiah).

KEBANGSAAN

FAHAM KEBANGSAAN

Pengertian Kebangsaan:

Berdasarkan keterangan di atas, nyatalah bahawa asabiah bukan faham kebangsaan sebagaimana yang diertikan selama ini. Memasangkan erti asabiah dengan faham kebangsaan merupakan suatu penyelewengan dari kebenaran dan pembohongan terhadap ajaran Islam.

Semangat kebangsaan atau nasionalisma adalah semangat cintakan bangsa dan tanahair yang mana dalam bahasa Arabnya disebut (قَوْمِيَّة) dan wataniah (وَطَنِيَّة). dan bukan (عَصَبِيَّة). Rasulullah s.a.w. sendiri cintakan bangsa dan tanah airnya dan menyuruh umat Islam supaya menyintainya.

حُبُّ الْوَطَنِ مِنَ الْإِيْمَانِ

(Cintakan watan itu adalah sebahagian dari iman).

Sewaktu Usail menggambarkan keindahan kota Mekah, baginda Rasulullah s.a.w. telah berkata kepadanya; Wahai Usail, biarkan hati ini tenang (mengingati) Mekah.

Baginda juga membuat Bilal meluahkan isi hatinya dengan rangkap-rangkap syair;

Alangkah bahagianya hatiku..
kiranya dapat bermalam di pinggir danaumu..
sedang di sekelilingku Azdakhir dan
Jalil..
mungkinkah satu hari nanti..
kan ku pijak persisiran air Majnah..
mungkinkah nanti akan nyata padaku

syamah dan Thufail...

Sebenarnya perasaan cintakan tanahair dan bangsa merupa-suatu perasaan yang luhur dan murni yang sepatutnya hidup subur dalam setiap jiwa orang Islam, kerana kecintaan terhadap bangsa dan tanahair merupakan asas utama bagi ketinggian dan kemajuan umat Islam. Alangkah keji dan hinanya orang Islam yang bencikan bangsa dan tanah airnya. Apakah akan jadi terhadap negara dan umat Islam kiranya setiap orang Islam tidak mengambil berat terhadap kepentingan bangsa dan negaranya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ لَمْ يَهْتَمَّ بِأَمْرِ الْمُسْلِمِيْنَ فَلَيْسَ مِنْهُمْ

(Orang yang tidak mengambil berat terhadap urusan kaum muslimin, maka ia bukanlah dari gulungan umat Islam.)

Semangat bencikan bangsa dan negara merupakan racun musuh-musuh Islam untuk menghancurkan negara dan umat Islam.

Tidak ada erti cintakan Islam, kiranya kepentingan bangsa dan negara Islam diabaikan Bagaimanakah kita boleh pertahankan Islam sedangkan bangsa dan negara Islam itu sendiri kita tidak pertahankan. Cintakan Islam mestilah bermula dengan cintakan bangsa negaranya.

Kewajipan mempertahankan bangsa dan negara merupakan tugas dan tanggungjawab ugama dan negara, di mana ia dianggap oleh ugama sebagai ibadat, malah lebih penting dari ibadat.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

حَرَسُ لَيْلَةٍ فِي سَبِيْلِ اللهِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ لَيْلَةٍ يُقَامُ لَيْلُهَا وَيُصَامُ نَهَارُهَا . رواه الطبراني والحاكم

(Berkawal satu malam pada jalan Allah – mempertahankan negara – adalah lebih baik dari 1000 malam yang di waktu malamnya beribadat dan waktu siangnya berpuasa).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

رِبَاطُ يَوْمٍ فِي سَبِيلِ اللهِ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا عَلَيْهَا .

متفق عليه

(Berkawal satu hari pada jalan Allah, adalah lebih baik dari dunia dan apa yang ada di atasnya).

Perkataan (رِبَاطُ) ialah meletakkan pasukan tentera di perbatasan negara untuk mempertahankan dari penyusupan musuh dan serangannya).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

حُرِمَتِ النَّارُ عَلَى عَيْنٍ سَهَرَتْ فِي سَبِيلِ اللهِ .

رواه الطبراني والحاكم

(Bahawa api neraka telah diharamkan ke atas mata yang pernah berjaga malam pada jalan Allah).

Firman Allah;

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ
تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللهِ وَعَدُوَّكُمْ .

(Bersedialah untuk menghadapi musuh-musuh Islam dengan

sepenuh kekuatan dan angkatan berkuda, dengannya kamu akan dapat menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu).

Oleh itu semangat cintakan bangsa dan tanahair mestilah dipupuk dan dihidupkan pada setiap jiwa umat Islam dan perbuatan memperkecilkan semangat kebangsaan ini merupakan suatu jenayah terhadap ugama, bangsa dan negara.

Suatu Kaedah;

مَالَا يَتِمُّ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ

Iaitu; Sesuatu perkara yang tidak sempurna perkara wajib kecuali dengannya maka perkara itu juga menjadi wajib.

Maksud Kaedah ini;

Dengan kaedah ini dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa Islam tidak akan tinggi dan mulia dan Islam tidak akan maju, kecuali dengan kemuliaan dan ketinggian bangsa dan kemajuan negaranya. Tanpa bangsa dan negara ugama Islam tidak dapat ditegapkan. Oleh itu maka cintakan Islam hendaklah dengan menyintai bangsa dan negaranya, dan kerana tidak ada bangsa lain untuk mempertahankan Islam di negara ini melainkan bangsa Melayu, maka sebab itu bangsa Melayu mestilah dipertahankan, dan sebarang pembelaan terhadap bangsa Melayu bererti pembelaan terhadap Islam itu sendiri.

Oleh itu semangat nasionalisma dan cintakan tanahair mestilah dipupuk dan dihidupkan pada setiap jiwa umat Islam. Perbuatan memperkecilkan nasionalisma Melayu di negara ini merupakan suatu jenayah terhadap ugama, bangsa dan negara.

Ikhwanul Muslimin Dan Kebangsaan

Al-Imam Al-Syahid Hassan Al-Banna, pemimpin agung pergerakan Islam Ikhwanul Muslimin pernah menegaskan sikapnya

terhadap faham kebangsaan atau nasionalisma dalam muktamar Ikhwanul Muslimin kelimanya yang diadakan pada 13 Zulhijjah 1357 h.

Antara lain beliau berkata;

...Islam telah mewajibkan ke atas setiap muslim kewajipan-kewajipan yang mesti dilakukannya. Setiap insan mestilah bekerja untuk kebaikan tanahairnya, memberi khidmat sepenuh masa, memberikan jasa kepada umat sebanyak mampu. Jasa dan kebaikan ini mestilah dihulurkan terlebih dahulu kepada orang yang lebih hampir dari sudut keluarga dan jiran, malah zakat sesuatu daerah tidak boleh dibawa ke daerah lain yang jauh dua marhalah kecuali kerana darurat. Ini dilakukan kerana mengutamakan amal makruf kepada yang lebih dekat, baik dari segi kekeluargaan atau kejiranan. Setiap muslim adalah diwajibkan menutup lubang-lubang di mana dia berada. Beliau mestilah berkhidmat kepada tanahairnya di mana beliau tumbuh membesar, oleh kerana itulah setiap muslim lebih dalam sifat wataniahnya dan lebih bermanfaat kepada anak bangsanya kerana semua perkara ini difardukan Allah ke atasnya.

Seterusnya beliau menegaskan;

...Ikhwanul Muslimin merupakan orang yang paling mengambil berat terhadap kebaikan watannya, berkorban masa untuk berkhidmat kepada bangsanya. Mereka mengharapkan agar negara yang tercinta ini mencapai keagungan kemajuan dan ketinggian dan akhirnya pimpinan umat Islam akan berada di tangannya sebagai hasil dari suasana dan persekitaran yang ujud ini. Ikhwanul Muslimin menyintai watan mereka dan sangat mengambil berat perpaduan bangsanya, mereka merasakan tidak ada catatnya pada orang yang ikhlas pada tanah airnya berkorban apa saja untuk kaumnya. Mengharapkan watan mereka mengecap ketinggian, keagungan dan kemegahan. (*)

Ciri-ciri Faham Kebangsaan

Umat Islam merupakan satu kesatuan induk yang tersusun dari kelumpok-kelumpok kecil; kaum keluarga, jiran tetangga, suku bangsa, negeri dan negara. Setiap kelumpok kecil itu mestilah bertanggungjawab untuk menentukan kebaikan dan kemajuan

(*) Lihat Risalah Muktamar Ikhwanul Muslimin Ke-Lima.

terlaksana dan ujud terlebih dulu dalam lingkungan masing-masing dan setiap anggota kelumpok itu mestilah bekerjasama dan bersatupadu untuk mencapai kebaikan dirinya dan kebaikan umat Islam seluruhnya. Kerjasama dan tolong-menolong untuk kebaikan ini merupakan suatu kewajipan ugama yang sangat-sangat digalakan.

Firman Allah;

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

المائدة

(Hendaklah kamu bekerjasama di atas kebaikan dan takwa dan janganlah kamu bekerjasama di atas perkara dosa dan permusuhan).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

مَنْ لَمْ يَهْتَمَّ بِأَمْرِ الْمُسْلِمِينَ فَلَيْسَ مِنْهُمْ

(Sesiapa yang tidak mengambil berat tentang urusan kaum Muslimin, maka ia bukanlah dari golongan umat Islam).

Ajaran Islam menetapkan bahawa setiap kebaikan itu hendaklah bermula dalam lingkungan yang lebih hampir dengan diri seseorang itu; anak isteri, kaum keluarga, jiran tetangga, anak bangsa dan umat Islam seluruhnya.

Firman Allah;

وَآتِ ذَا الْقُرْبَى حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ .

الإسراء/26

(Keluarkanlah kepada keluarga yang dekat akan haknya (zakat), orang miskin dan orang musafir).

Firman Allah;

وَآتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينَ
وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ . البقرة/١٧٧

(Dan ia mendermakan harta yang ia cinta itu kepada keluarganya yang hampir, anak yatim, orang miskin, orang musafir, peminta sedekah dan untuk membebaskan perhambaan).

Sebuah Hadith Menerangkan;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ : دِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ
فِي سَبِيلِ اللهِ وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي رَقَبَةٍ وَدِينَارٌ تَصَدَّقْتَ
بِهِ عَلَى مِسْكِينٍ وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ أَعْظَمُهَا
أَجْرًا الَّذِي أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ . رواه مسلم

(Daripada Abu Hurairah r.a., katanya; bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda; satu dinar yang engkau belanjakan pada jalan Allah, satu dinar yang engkau belanjakan untuk membebaskan seorang hamba, satu dinar yang engkau sedekahkan kepada seorang miskin, dan satu dinar yang engkau belanjakan kepada ahli keluargamu, yang paling besar pahalanya ialah yang engkau belanjakan untuk keluargamu).

Sebuah Hadith Menerangkan;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: تَصَدَّقُوْا! فَقَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُوْلَ اللهِ، عِنْدِيْ دِيْنَارٌ فَقَالَ تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى نَفْسِكَ قَالَ عِنْدِيْ آخَرُ قَالَ: تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى زَوْجَتِكَ قَالَ: عِنْدِيْ آخَرُ قَالَ: تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى وَلَدِكَ قَالَ: عِنْدِيْ آخَرُ قَالَ: تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى خَادِمِكَ قَالَ: عِنْدِيْ آخَرُ قَالَ: أَنْتَ أَبْصَرُ.

(Daripada Abu Hurairah r.a., katanya; Rasulullah s.a.w. telah bersabda; bersedekahlah kamu semua, lalu seorang lelaki bertanya; Saya ada satu dinar — ke manakah saya patut belanjakan? Jawab baginda; Belanjakan kepada dirimu. Lelaki itu bertanya lagi; Saya ada satu dinar lagi? Jawab baginda; Belanjakan kepada isterimu. Lelaki itu bertanya lagi; Saya ada satu dinar lagi?; Jawab baginda; Belanjakan kepada anakmu. Lelaki itu bertanya lagi; Saya ada satu dinar lagi? Jawab baginda; Belanjakan kepada orang gajimu. Lelaki itu bertanya lagi; Saya ada satu dinar lagi? Jawab baginda; Engkau lebih tahu dengannya — ke mana engkau patut belanjakan).

Firman Allah;

وَاعْبُدُوا اللهَ وَلَا تُشْرِكُوْا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِيْنِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَى

وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ .

النساء/ 36

(Hendaklah kamu menyembah Allah, dan janganlah kamu menyengutukanNya dengan sesuatu, dan berbuat baiklah terhadap kedua ibu bapa, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, teman sejawat, orang musafir dan hamba sahaya kamu).

Kesimpulan Yang Lojik

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa dalam kontek kebangsaan ini bahawa dalam dunia hari ini terdapat seramai 1,000 juta umat Islam, yang terdiri dari berbagai bangsa dan keturunan, masing-masing mempunyai negara tempat mereka tumbuh membesar; Orang-orang Arab dengan negaranya, orang-orang Hindustan dengan negara Pakistannya, orang-orang Farsi dengan negara Irannya dan orang-orang Sudan dengan negaranya, masing-masing mempunyai negara dan bangsa, dan setiap bangsa dan negara dari bangsa-bangsa dan negara-negaran Islam itu ditugaskan oleh Allah dan ugama supaya berjuang mempertahankan bangsa dan negaranya terlebih dulu sebelum ia mempertahankan negara orang lain, dan setiap bangsa dan negara itu pula sebagai langkah kedua mestilah berjuang bersama-sama menentang musuh-musuh Islam di seluruh dunia dan inilah yang dimaksudkan dengan semangat kebangsaan atau nasionalisma, dan nasionalisma Melayu adalah penting bagi mempertahankan Islam di negara ini.

Kebangsaan Mestilah Berlandas Keadilan Dan Kebaikan Manusia

Nasionalisma atau semangat kebangsaan yang melahirkan sikap kerjasama dan pakatan untuk ketinggian bangsa dan tanah

air mestilah berlandaskan lunas-lunas keadilan. Perasaan perkauman yang sempit atau asabiah mestilah dihapuskan, perbezaan kaum dan ugama mestilah diketepikan. Semua golongan adalah sama untuk mendapatkan hak-haknya; keadilan undang-undang dan keadilan kemasyarakatan... keselamatan jiwa, harta benda dan kehormatan mestilah diberi perlindungan yang sama tanpa mengira kaum atau bangsa, sesuai dan selaras dengan ajaran Islam.

Firman Allah;

وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ . النساء/58

(Dan apabila kamu menghukumkan antara manusia maka hendaklah kamu menghukumkan dengan adil).

Firman Allah;

لَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَئَانُ قَوْمٍ عَلَى أَلَّا تَعْدِلُوا اِعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَى . المائدة / 8

(Janganlah kerana kebencian kamu terhadap sesuatu kaum menyebabkan kamu tidak adil. Berlaku adillah kerana ia lebih hampir kepada takwa).

Untuk menegapkan keadilan, perasaan kekeluargaan hendaklah diketepikan.

Firman Allah;

وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَى . الأنعام/152

(.. dan apabila kamu berkata untuk menetapkan hukuman — maka hendaklah dengan adil, walaupun iaitu keluarga kamu).

Pangkat dan kedudukan mesti dihapuskan dalam perkiraan untuk menegapkan kebaikan ummah.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ أَنَّهُمْ كَانُوا إِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الشَّرِيفُ تَرَكُوهُ وَإِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الضَّعِيفُ أَقَامُوا عَلَيْهِ الْحَدَّ وَأَيْمُ اللهِ لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقَطَعَ مُحَمَّدٌ يَدَهَا . رواه البخاري ومسلم

(Wahai manusia, punca yang menyebabkan orang-orang dahulu dibinasakan ialah kerana apabila orang berpangkat mencuri di kalangan mereka, mereka melepaskannya dari hukuman, tetapi apabila si miskin mencuri, mereka kenakan hudud. Demi Allah kiranya Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya Muhammad sendiri akan memotong tangannya):

Bentuk Kebangsaan Yang Kita Perjuangkan

Perjuangan kebangsaan berjaya menyatupadukan orang-orang Melayu yang berpecah belah dan lemah di bawah tekanan dan pengaruh penjajahan menjadi bersatupadu di bawah satu organisasi yang teguh dan kuat. Perjuangan ini telah dicetuskan oleh kesedaran ugama yang mendalam.

Firman Allah;

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ . الحجرات/١٥

(Sesungguhnya orang mukmin itu bersaudara maka hendaklah kamu mendamaikan antara saudara-saudara kamu).

Firman Allah:

وَلَاتَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ الأنفال

(Janganlah kamu hidup bermusuh-musuhan nanti kamu akan keciwa, dan kekuatan kamu akan hilang).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

اَلْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ . رواه مسلم

(Orang Islam adalah saudara orang Islam).

Perjuangan kebangsaan berjaya mengembalikan marwah dan kehormatan bangsa, dari hina dijajah kepada kemuliaan bebas merdeka. Perjuangan ini lahir dari kesedaran ugama, bukan dari semangat asabiah.

Firman Allah;

وَلِلّٰهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلٰكِنَّ الْمُنَافِقِينَ
لَايَعْلَمُونَ . المنافقون/ 8

(Kehormatan dan Kemuliaan itu adalah kepunyaan Allah, rasul-Nya dan orang Islam·Hanya orang-orang munafik sahaja yang tidak mahu mengerti).

Tidak ada suatu penghinaan yang lebih besar dari penghinaan penjajahan ke atas umat Islam. Oleh itu perjuangan untuk membebaskan negara dari belenggu penjajahan merupakan suatu tugas

dan kewajipan ugama di mana seluruh umat Islam akan berdosa kiranya kewajipan ini diabaikan. Kemerdekaan yang kita capai sejak 27 tahun dulu merupakan sebesar-besar jasa yang telah disumbangkan oleh pejuang-pejuang kemerdekaan terhadap ugama, bangsa dan negara.

Perjuangan kebangsaan berjaya mengembalikan kekuatan ekonomi kepada bangsa. Usaha dan perancangan untuk menghapuskan kemiskinan bangsa adalah suatu kewajipan ugama, kerana ekonomi merupakan kekuatan utama kepada sesuatu bangsa. Perjuangan ini lahir dari kesedaran Islam, bukan dari asabiah yang diharamkan.

Firman Allah;

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ .

الجمعة / ١٠

(Apabila selesai mengerjakan sembahyang maka pergilah ke serata tempat dan carilah kekayaan Allah).

Firman Allah;

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ .

البقرة / ١٩٨

(Tidak ada apa-apa kesalahan ke atas kamu untuk mencari kekayaan daripada Tuhan kamu).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

كَادَ الْفَقْرُ أَنْ يَكُوْنَ كُفْرًا . رواه ابو نعيم

(Hampir-hampir kemiskinan itu menyebabkan kufur).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

مَنْ أَمْسَى كَالًّا مِنْ عَمَلِ يَدِهِ أَمْسَى مَغْفُوْرًا لَهُ .

رواه الطبراني والبيهقي

(Siapa yang pulang petang dalam keadaan penat kerana bekerja, ia pulang dalam keampunan Allah).

Perjuangan kebangsaan berjaya meninggikan taraf pendidikan dan pelajaran di kalangan orang-orang Islam. Segala kemudahan telah diadakan dengan secukupnya. Perjuangan ini lahir dari kesedaran agama, bukan dari semangat perkauman yang sempit.

Sabda Rasulullah s.a.w.;

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ وَمُسْلِمَةٍ .

رواه البيهقي وابن عبد البر

(Menuntut ilmu adalah wajib ke atas setiap orang Islam, sama ada lelaki atau perempuan).

Sebuah Athar Menerangkan;

أُطْلُبِ الْعِلْمَ مِنَ الْمَهْدِ إِلَى اللَّحْدِ .

(Tuntutlah ilmu bermula dari buaian hingga ke liang lahad).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ .

رواه أبوداود والترمذى

(Siapa yang menuruti suatu jalan untuk mencari padaNya ilmu, Allah akan permudahkan untuknya suatu jalan ke syurga).

Sabda Rasulullah s.a.w.;

مَنْ خَرَجَ لِيَطْلُبَ بَابًا مِنَ الْعِلْمِ فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللهِ.

رواه الترمذى

(Siapa yang keluar untuk menuntut satu cabang daripada ilmu, maka ia keluar sebagai mujahid di jalan Allah).

Perjuangan kebangsaan berjaya membangun dan memajukan masyarakat Islam di mana segala kemudahan dan kesenangan telah diberi dan sedang dilaksanakan. Perjuangan ini lahir dari kesedaran Islam.

Sabda Rasulullah s.a.w.;

مَنْ نَفَّسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ الدُّنْيَا نَفَّسَ اللهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا

سَتَرَهُ اللهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا
دَامَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ . رواه مسلم

(Siapa yang melepaskan orang mukmin dari satu kesusahan dunia, Allah akan lepaskannya dari satu kesusahan akhirat. Siapa yang memudahkan kepayahan seorang, Allah akan mudahkan kepayahannya di dunia dan di akhirat. Siapa yang melindungi orang muslim, Allah akan melindunginya di dunia dan di akhirat. Allah Taala akan menolong hambanya selama hamba itu menolong saudaranya).

Sabda Rasulullah s.a.w.

سَبْعٌ يَجْرِي لِلْعَبْدِ أَجْرُهُنَّ وَهُوَ فِي قَبْرِهِ وَهُوَ بَعْدَ
مَوْتِهِ مَنْ عَلَّمَ عِلْمًا أَوْ كَرَى نَهْرًا أَوْ حَفَرَ بِئْرًا أَوْ غَرَسَ
نَخْلًا أَوْ بَنَى مَسْجِدًا أَوْ وَرَّثَ مِصْحَفًا أَوْ تَرَكَ وَلَدًا
يَسْتَغْفِرُ لَهُ بَعْدَ مَوْتِهِ . رواه البزار والبيهقي وأبو نعيم

(Tujuh perkara yang mana pahalanya terus mengalir kepada seseorang ketika di dalam kuburnya dan selepas matinya; orang yang mengajar ilmu, atau menggali sungai, atau menggali telaga, atau menanam pokok, atau membina masjid, atau meninggalkan Quran, atau meninggalkan seorang anak yang sentiasa berdoa kepadanya selepas matinya).

